



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/05/64 (HQ)

TNB PERUNTUK RM69.5 JUTA UNTUK PERBELANJAAN MODAL DI TERENGGANU TAHUN INI

Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan perbelanjaan modal berjumlah RM69.5 juta pada Tahun Kewangan semasa untuk memastikan bekalan elektrik di Negeri Terengganu adalah sentiasa pada tahap berdaya harap yang tinggi, kata Pengurus Besar Negeri (Terengganu), Bahagian Pembahagian TNB, Ir. Saharenam Mukhtar.

Perbelanjaan modal tersebut secara tidak langsung akan membantu Kerajaan Negeri Terengganu mempertingkatkan dan memperkukuhkan pelaburan di negeri tersebut, katanya di Program Bersama Komuniti di sini hari ini.

“Sebanyak RM24 juta daripada peruntukan tersebut digunakan untuk memperkukuhkan sistem bekalan elektrik di Kemaman. TNB sentiasa mengambil kira perancangan pembangunan oleh kerajaan negeri dan akan terus meningkatkan prestasi pembekalan elektrik agar boleh berdaya saing untuk menarik para pelabur asing ke negeri ini,” kata Ir. Saharenam.

Program berkenaan dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, YB Wan Abdul Hakim Wan Mokhtar. Di majlis tersebut, TNB turut menyampaikan sumbangan 10 unit alat pembesar suara mudah alih kepada surau-surau di DUN Air Putih.

Program Bersama Komuniti, dahulunya dikenali sebagai Program Bersama Pemimpin Komuniti mula dilaksanakan pada tahun 2005. Ia menjadi platform kepada TNB untuk berkongsi maklumat dan perkembangan terkini operasi harian utiliti itu, selain forum untuk TNB turun padang bertemu para pengguna dan berdialog secara terbuka dengan matlamat memperbaiki mutu perkhidmatannya kepada masyarakat.

Dikeluarkan di Kemaman, Terengganu pada 16 Mei 2015

*Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi En. Wan Razak Wan Muda (013-9278936)
atau Amiza Bin Mohd Aris (019-2136320).*